

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Bahasa Melayu sekarang mengalami perkembangan yang pesat. Perkembangan bahasa biasanya berlaku pada peringkat leksikal. Oleh yang demikian, penggunaan variasi bahasa yang berbeza-beza oleh anggota masyarakat dapat meningkatkan lagi korpus kata bahasa Melayu.

Bahasa Melayu akan terus berkembang dan mantap apabila banyak kata-kata baru diambil atau dipinjam sama ada daripada bahasa Inggeris, bahasa Arab, Jawa, Latin, Sanskrit dan pelbagai bahasa lagi. Dewasa ini perkembangan bahasa Melayu diwarnai dengan penyerapan kosa kata daripada pelbagai dialek daerah.

Lantaran itu dialek bahasa Melayu mempunyai peranan yang amat besar dalam meningkatkan perkembangan bahasa Melayu. Melalui dialek, kita dapat menambah lebih banyak kosa kata juga makna kata yang dapat disesuaikan keperluan penggunaannya dalam bahasa Melayu. Oleh itu penggunaan dialek dalam bahasa Melayu di samping dapat mengeratkan perpaduan, ia memperkayakan lagi bahasa Melayu serta kelihatan lebih dominan.

Asmah Hj. Omar (1988) menyatakan dengan jelas bagaimana sesuatu bahasa itu berkembang maju, antaranya ialah melalui proses peresapan dengan cara berpindah daripada mulut ke mulut dan akan terus hidup selagi ada penuturnya. Menurutnya lagi bahawa bahasa Melayu menghasilkan pelbagai dialek dan subdialeknya. Antara dialek-dialek tersebut ialah dialek Kedah, dialek Perak, dialek Terengganu, dialek Kelantan, dialek Melaka, dialek Johor, dialek Negeri Sembilan dan sebagainya. Daripadanya lahir pula sub-subdialek akibat daripada beberapa faktor.

Sebenarnya kewujudan subdialek adalah disebabkan oleh faktor geografi, politik, penjajahan, perdagangan, masa, budaya dan sebagainya (Abdul Hamid Mahmood, 1982). Berdasarkan pengaruh faktor-faktor di atas ini lahir beberapa kata dalam bahasa Melayu yang berbeza dari segi sebutan tetapi mempunyai maksud yang sama.

Lantaran itu situasi kedaerahan pemakaian bahasa yang dikategorikan ke dalam dialek-dialek Melayu menjadi penting sebagai penunjang bagi mengutukkan kedudukan bahasa kebangsaan seperti kata

Dr. Amran Halim:

Pembinaan dan pengembangan bahasa daerah tidak sahaja bertujuan untuk menjaga kelestarian bahasa daerah tersebut, tetapi juga bermanfaat bagi pembinaan. pengembangan dan pembakuan bahasa Indonesia sebagai bahasa kebangsaan tidak dilepaskan dari pembinaan bahasa daerah kerana kedua-duanya mempunyai hubungan timbal balik yang erat (1976 – 15: 21).

Keupayaan dialek-dialek bahasa Melayu dalam mencapai sasarannya dengan pertimbangan individu yang dilandasi oleh nilai-nilai tertentu memperlihat bahawa kesejajaran antara bahasa Melayu dengan dialek-dialek bahasa Melayu di Malaysia harus diselaraskan supaya dapat memperkayakan lagi kedudukan bahasa Melayu yang sedia ada.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Dialek Perak merupakan antara dialek yang dapat memberi sumbangan bagi memantapkan bahasa Melayu baku. Ia dituturkan oleh penduduk yang bermastautin di negeri Perak. Perak merupakan negeri yang kedua terbesar di Semenanjung Malaysia, selepas negeri Pahang. Kawasan negeri ini meliputi keluasan 13 381.5 kilometer persegi dengan panjangnya dari utara ke selatan sejauh 25 658 kilometer. Negeri ini bersempadan dengan negeri Kedah, Pulau Pinang dan Thailand di sebelah utara, negeri Kelantan dan Pahang di sebelah timur. Manakala di selatan pula negeri Perak bersempadan dengan Selangor.

Di bahagian timur, negeri Perak dipisahkan dengan negeri Kelantan dan Pahang oleh jaluran kawasan pergunungan yang menganjur dari utara ke selatan. Bahagian pantainya puia merupakan kawasan bertanah lanar yang subur. Kesuburan tanah ini membolehkan negeri Perak menjadi pengeluar utama hasil-hasil perkebunan seperti limau bali dan jambu batu.

Kekayaan negeri Perak telah menarik minat pendatang-pendatang awal, iaitu Portugis, Aceh, Belanda, Bugis, Siam, Cina, India dan Inggeris. Oleh itu, tidaklah menghairankan jika sejarah mencatatkan negeri Perak sebagai punca campurtangan Inggeris dalam negeri-negeri Melayu dan menjadi tempat lahirnya sistem Penasihat Inggeris atau Residen yang kemudiannya berkembang ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

Negeri Perak yang bergelar Darul Ridzuan, dibahagikan kepada 10 buah daerah, iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut dan Matang, Selama, Kerian, Dinding, Kinta, Batang Padang, Perak Tengah dan Hilir Perak.

Bandar-bandar utamanya termasuklah Ipoh yang menjadi pusat pentadbiran dan ibu negeri, Kuala Kangsar sebagai bandar dirajanya dan bandar-bandar lain seperti Taiping, Teluk Intan dan Lumut.

## 1.2 Objektif Kajian

Objektif disertasi ini adalah untuk melihat dan membandingkan antara bahasa Melayu baku dengan subdialek Perak iaitu dialek Parit khususnya dari aspek fonologi yang merangkumi fonem vokal, fonem konsonan dan diftong.

Selain dari itu pengkajian ini akan mencari persamaan dan perbezaan sebutan antara kedua-dua jenis bahasa itu. Dialek Perak kaya dengan fonologi yang begitu istimewa gaya penyebutannya dan kajian mengenainya masih kurang diterokai, maka dengan ini pengkaji akan cuba memfokus dari sudut berkenaan.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Melalui kajian yang dilakukan ini diharapkan banyak maklumat yang dapat dikumpul dan seterusnya menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain pada masa akan datang khususnya yang berminat dalam mengkaji dialek Perak ini nanti. Oleh itu anggaplah kajian ini sebagai pembuka jalan bagi mereka untuk melakukan kajian yang lebih mendalam lagi. Di samping itu juga jurang kesalingfahaman dapat dirapatkan antara penutur dialek Perak dengan dialek Melayu yang lain.

Selain dari itu juga kepentingan kajian ialah untuk melihat sama ada subdialek Perak ini mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah. Seandainya terdapat jurang perbezaan yang luas beberapa langkah seharusnya diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

## 1.4 Batasan Kajian

Disertasi ini akan menerangkan dengan ringkas tentang dialek Perak dan sub-subdialeknya berdasarkan beberapa kajian oleh para sarjana dan kajian oleh penulis sendiri. Kertas kerja ini juga akan mengkaji persamaan dan perbezaan antara bahasa Melayu baku dengan subdialek Perak iaitu dialek Papit dari aspek fonologi yang merangkumi vokal, konsonan dan diftong. Hanya aspek fonologi sahaja yang dibincangkan adalah kerana untuk melihat dengan lebih jelas lagi pengaruh sebutan dialek Perak ke atas penyebutan bahasa Melayu baku. Dengan itu analisis secara kritikal dapat dibuat.

## 1.5 Takrifan Operasional

### 1.5.1 Bahasa Melayu Baku

Bahasa baku ialah bahasa yang betul dari segi ejaan, perkataan, istilah, pengimbuhan, sebutan, frasa, ayat, tanda baca, singkatan, akronim,

huruf besar, penomboran dan laras bahasa (Sulaiman Masri, 1989:1). Ertinya, bahasa Melayu baku ialah bahasa Melayu yang baik dan betul menurut tatabahasa, dan tepat menurut gaya bahasanya.

Bloomfield (1953: 48) mendefinisikan bahasa baku sebagai bahasa yang digunakan dalam kenyataan rasmi, sekolah dan dalam semua bentuk tulisan. Manakala Robins (1964: 53) pula menjelaskan bahasa standard sebagai satu dialek yang mempunyai prestij sebagai bahasa golongan terpelajar di ibu negara dan golongan terhormat.

Pendapat Robins ini hampir sama dengan pendapat Asmah Haji Omar (1992:2) yang menyatakan bahawa bahasa standard atau baku itu sebagai kelainan bahasa iaitu dialek yang diterima oleh semua anggota masyarakat bahasa yang berkenaan yang dijadikan norma atau dialek prestij iaitu bahasa pengantar pelajaran.

Akhirnya dapatlah dikatakan bahasa Melayu baku ialah satu dialek di antara dialek-dialek lain, tetapi diberi keistimewaan daripada yang lain hingga ia dipanggil baku berdasarkan faktor sosial, sejarah, politik dan sebagainya.

### 1.5.2 Dialek

Beberapa definisi telah diberikan oleh pengkaji-pengkaji bahasa tentang dialek. Antaranya Farid M. Onn dan Ajid Che Kob dalam buku susunan mereka, Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan (1993), telah memetik Bloomfield (1933) sebagai berpendapat bahawa dialek merupakan bentuk bahasa yang hanya dikaitkan dengan para petani dan golongan termiskin, atau golongan-golongan berstatus rendah. Walau bagaimanapun mereka tidak menerima pendapat ini dengan alasan bahawa pandangan tersebut merupakan suatu yang tidak dapat dipertahan dari sudut linguistik.

Kini semakin banyak ahli bahasa menggemari istilah “ragam” atau “variasi” dengan pengertian satu-satu bahasa tertentu yang dapat dianggap sebagai satu entiti.

Namun begitu J.K Chambers dan Peter Trudgill (1990), pada awalnya ada menyatakan bahawa dialek ialah satu bentuk bahasa yang substandard, berstatus rendah dan bersifat kedesaan, rata-rata ia dikaitkan dengan masyarakat tani kelas pekerja atau golongan-golongan lain yang tidak bertaraf tinggi. Dialek dianggap juga sebagai satu bentuk yang menyimpang daripada sesuatu norma atau satu bentuk penyimpangan daripada bentuk bahasa yang betul atau standard. Tetapi kini mereka lebih berpegang pada anggapan bahawa semua penutur ialah penutur bagi sekurang-kurangnya satu dialek. Pendeknya dialek dapat dianggap sebagai cabang-cabang kecil sesuatu bahasa.

Abdul Hamid Mahmood (1993: 81) memetik Mario A. Pei dan Frank Gaynor (1960), telah mendefinisikan dialek sebagai variasi daripada satu

bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek juga mempunyai bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan berbeza daripada bentuk yang baku dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain.

Kamus Linguistik Harimurti Kridalaksana (1984:38) mentakrifkan dialek sebagai variasi bahasa yang berbeda-beda menurut pemakai. Beliau kemudiannya membahagikan dialek itu kepada tiga kelompok iaitu variasi bahasa yang dipakai oleh kelompok bahasawan di tempat tertentu dipanggil dialek kedaerahan, atau oleh golongan tertentu dari suatu kelompok bahasawan yang dikenali sebagai dialek sosial, atau oleh kelompok bahasawan yang hidup dalam waktu tertentu yang dinamai dialek sementara.

Menyentuh tentang variasi, Mangantar Simanjuntak (1982: 49) telah meringkaskan dialek sebagai satu variasi bahasa yang dibangunkan oleh sekumpulan manusia yang tinggal di satu kawasan tertentu.

Selain itu Edward Sapir (1921: 164) menyatakan bahawa dialek merupakan bentuk pertuturan tempatan yang berlainan daripada bentuk bahasa kesusteraan. R.H. Robin (1967) pula dalam bukunya *General Linguistics: An Introductory Survey* menyatakan bahawa dialek itu adalah satu abstraksi yang sama dengan bahasa tetapi dialek meliputi bilangan penutur yang lebih sedikit.

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa dialek itu adalah kelainan bentuk bahasa yang digunakan oleh sesebuah kelompok masyarakat untuk menjalankan aktiviti sosial di antara ahli masyarakatnya, tetapi tidak dapat menaikkan tarafnya menjadi suatu bahasa yang tersendiri.

### 1.5.3 Dialek Perak

Tutur yang boleh dikatakan mewakili dialek Perak hanya terdapat di dalam negeri Perak (Asmah Hj. Omar, 1985: 218). Seterusnya Asmah mendapati bahawa daerah-daerah yang boleh dikatakan betul-betul mewakili dialek Perak ialah daerah Parit dan Kuala Kangsar.

Seorang pengkaji yang berasal dari negeri Perak pula menyatakan, dialek Perak seperti yang dituturkan ada mempunyai gaya yang khusus dan tertentu yang berlainan dari dialek-dialek bahasa Melayu yang lain (Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain, 1986:1).

Namun demikian kelainan yang ada pada gaya ini tidak menjelaskan tatabahasa Melayu yang betul yang digunakan dalam bahasa Melayu standard. Beliau seterusnya menambah bahawa dialek Perak sebenarnya boleh dikatakan satu variasi bahasa Melayu standard, yang berlainan hanya dari segi gaya bahasanya.

Kajian Raja Mukhtaruddin telah menunjukkan bahawa dari segi sejarah, dialek Perak seperti dialek-dialek Melayu yang lain, adalah berpunca dari satu bentuk bahasa Melayu yang mempunyai aturan dan peraturan tatabahasa yang khusus dan tersendiri.

Demikian pula kenyataan umum yang dibuat oleh Zaharani Ahmad dalam tesis sarjananya tentang fonologi dan morfologi dialek Perak.

*In general the people of Malaysia distinguish the Perak dialect by the [ɛ] pronunciation in word final position, in contrast to the [ə] pronunciation widespread in most parts of Malaya.*

(Zaharani b. Ahmad, 1991: 10)

Kesimpulannya dialek Perak adalah salah satu dialek yang terdapat di Malaysia, khususnya oleh penutur-penutur di Perak, terutama di sepanjang Sungai Perak. Selain daripada sebutan yang agak berbeza, dialek ini mempunyai tatabahasa yang sama dengan bahasa Melayu baku,

## 1.6 Kaedah Kajian (Metodologi)

Kaedah kajian yang utama bagi melengkapkan kertas kerja ini ialah kaedah perpustakaan dan juga kaedah lapangan. Melalui kaedah perpustakaan rujukan kepada buku-buku, majalah dan jurnal yang tertentu dan berkaitan dibuat. Kajian ini juga melibatkan temu bual dengan penutur jati dialek Perak di sekitar daerah Parit dan Teluk Intan iaitu seramai lebih kurang 15 orang yang terbahagi kepada tiga golongan iaitu pelajar yang bersekolah, orang dewasa dan orang tua yang berumur 50 tahun ke atas.

Pemilihan penutur yang berusia 50 tahun ke atas dibuat kerana golongan ini kurang terdedah kepada penggunaan bahasa Melayu akibat kurang berpendidikan dan mereka menggunakan dialek Parit dalam setiap keadaan berbanding dengan golongan remaja dan orang dewasa. Bagi golongan dewasa pula, pengaruh dialek mungkin masih menebal dalam sebutan mereka kerana sebutan dialek masih dituturkan di rumah bersama ahli keluarga dan di tempat kerja apabila bertemu dengan rakan sekerja yang sama daerah dengannya. Jika dibandingkan dengan golongan remaja

pula, suasana persekitaran dan pendidikan di sekolah mungkin menyebabkan mereka kurang menggunakan dialek semasa bertutur.

Sewaktu temu bual itu dijalankan pengkaji akan merakamkannya dan akan membuat transkripsi fonetik sekembalinya dari tempat tersebut. Pengkaji merakamkan perbualan itu tanpa disedari oleh infoman dan topik yang dibincangkan adalah berkaitan dengan kehidupan sehari-hari serta sumber mata pencarian mereka. Manakala bagi penutur golongan remaja, topik-topik yang diajukan adalah berkaitan dengan isu-isu gejala sosial di kalangan mereka.

## 1.7 Sorotan terhadap kajian berkaitan

### 1.7.1 Kajian di Barat

Setakat ini terdapat beberapa kajian dibuat tentang dialek negeri Perak. Kajian terawal telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dari Eropah

antaranya ialah Sturrock pada tahun 1912 yang telah membandingkan dialek yang dituturkan di sepanjang Sungai Perak dengan dialek Kelantan dan dialek Pahang Tengah, dari aspek kosa kata. Beliau menyatakan bahawa antara dialek Perak dan dialek Pahang Tengah perbezaan kosa katanya adalah sedikit.

Sembilan tahun kemudiannya iaitu pada tahun 1921 C.C Brown pula telah menerbitkan buku tentang dialek Perak. Buku tersebut mengandungi dialog dan terjemahan pertuturan orang Melayu di sepanjang Sungai Perak. Dalam bukunya yang diterbitkan pada tahun 1956 dia menjelaskan bahawa terdapat perhubungan yang erat antara dialek yang dituturkan di Hulu Terengganu dengan dialek Perak di Parit.

Kajian yang lebih terperinci telah dilakukan oleh Wulff (1926) dalam aspek fonologi di kawasan Kota Lama Kiri dan Kuala Kangsar. Beliau telah membuat deskripsi fonetik bagi sebutan dialek Perak di kawasan Kota Lama dan Kuala Kangsar.

### 1.7.2 Kajian di Malaysia

Kajian-kajian pada peringkat awal, kesemuanya dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Barat sehingga salah pada tahun 1962 apabila pengkaji tempatan yang pertama, iaitu Za'ba menyatakan bahawa orang Perak menyebut [orang], [beri], [air], [bayar], [khabar], [kucing], [anjing], [masing-masing] sebagai [oghang], [beghi], [ayao], [bayao], [habao], [kucen], [anjing], [masin-masin] (Zaharani Ahmad, 1991: 4).

Selain Za'ba seorang lagi pengkaji tempatan, iaitu Abu Bakar Hamid (1962) ada menulis tentang aspek fonologi dialek penutur di Ipoh. Menurutnya terdapat 26 fonem, iaitu 21 konsonan dan 5 vokal dalam dialek tersebut. Beliau juga telah membandingkan dialek Ipoh dengan bahasa baku dan mengkelaskan dialek Perak ke dalam empat kumpulan, iaitu Ipoh, Kuala Kangsar, Taiping dan Parit.

Pengkaji-pengkaji lain yang telah membuat kajian tentang dialek Perak ialah Ismail Hussein (1973), Harun Mat Piah (1983), Asmah Hj. Omar (1985) dan Zaharani Ahmad (1988). Pengkaji-pengkaji ini kesemuanya membincangkan tentang bagaimana dialek Perak diklasifikasikan.

Asmah Hj. Omar (1985: 218) menyatakan bahawa dialek yang betul-betul mewakili dialek Perak ialah Kuala Kangsar dan Parit, manakala daerah-daerah lain hanya merupakan kawasan penyebaran dialek-dialek lain. Dalam kajian yang sama, Asmah Hj. Omar telah membahagikan dialek Perak kepada 5 kawasan, iaitu:

1. Kawasan Hulu Perak berdialek Patani
2. Kawasan Taiping dan ke utara berdialek Kedah
3. Kawasan Ipoh dan ke selatan berdialek Selangor
4. Kawasan Parit dan Kuala Kangsar berdialek Perak
5. Kawasan Gopeng dan Selama berdialek Rawa

Pembahagian ini berbeza dengan yang dibuat oleh Ismail Hussein (1973), iaitu :

1. Dialek Patani di kawasan Timur Laut Perak.
2. Dialek Kedah di kawasan Barat Laut Perak (Dinding).
3. Dialek Sungai Perak bermula dari Kampung Gajah ke selatan, dari Parit ke utara dan sepanjang Sungai Perak.
4. Dialek Pulau Sayong dekat Kuala Kangsar.
5. Dialek Perak Tengah.

Walau bagaimanapun, hasil kajian Harun Mat Piah (1983) menunjukkan pembahagian yang lebih terperinci. Menurut Harun, terdapat enam kawasan dialek yang wujud dalam negeri Perak , iaitu:

1. Kawasan Kerian yang berdialek Pulau Pinang dan Kedah
2. Kawasan tengah termasuk Kuala Kangsar, Padang Rengas, Sayong dan Lenggong berdialek Kuala Kangsar

3. Kawasan Bota termasuk Parit, Bota, Kampung Gajah berdialek Parit atau dialek Sungai Perak
4. Kawasan Hulu Perak termasuk Gerik dan Kelian Intan berdialek Patani
5. Kawasan lain termasuk Ipoh, Batang Padang dan Tanjung Malim berdialek baku
6. Kawasan-kawasan dialek imigran termasuk Jawa, Banjar, Rawa dan Mandailing

Dalam kajiannya, Ismail (1973:77) mengambil kira status Pulau Sayong yang mempunyai bentuk bahasa yang menyerupai dialek sekitar Sungai Perak tetapi menyebut bunyi /ə/ sebagai /a/ seperti dalam perkataan [apa] dan bukan [apə]. Sebutan di hujung ini sama seperti dialek Perak Tengah (bahasa Melayu baku).

Ismail juga menyatakan bahawa dialek Perak di Pulau Sayong berbeza dengan dialek Perak di sekitar Sungai Perak dari segi sebutan bunyi hujung [ə] dan penukaran / a / kepada / ɔ / sebelum hentian glotis.

Ismail mencadangkan dialek Kuala Kangsar dimasukkan ke dalam dialek Perak Tengah kerana banyak menggunakan sebutan Johor Riau kecuali pada penggunaan gantinama yang tersendiri seperti [ təman ] untuk “saya”, [ mikə ] untuk “awak”, [ məŋkəmə ] untuk “kamu semua”, [ dəmə ] untuk “mereka” dan sebagainya. Walaupun Kuala Kangsar terletak di tebing Sungai Perak, namun ia tidak dimasukkan ke dalam kelompok dialek Sungai Perak.

Dalam penggolongan yang dibuat oleh Harun Mat Piah (1983), Pulau Sayong termasuk ke dalam dialek Kuala Kangsar, sebaliknya Asmah (1985) tidak menyebut apa-apa tentang Pulau Sayong. Harun meletakkan Kuala Kangsar bersama-sama dalam kelompok Lenggong,

Padang Rengas dan Sayong. Beliau menyatakan dialek Kuala Kangsar dan Parit dianggap sebagai dialek Perak yang asli kerana dialek-dialek ini tidak langsung dipengaruhi oleh dialek-dialek lain seperti dialek Kedah, Patani dan seterusnya. Beliau membezakan Parit dan Kuala Kangsar sebagai dua dialek yang berlainan (Zaharani Ahmad, 1991: 8).

Asmah Hj. Omar bersetuju dengan pendapat Harun Mat Piah yang menyatakan bahawa dialek Kuala Kangsar merupakan dialek Perak yang sebenarnya, tetapi menekankan bahawa dialek Perak dan Kuala Kangsar termasuk dalam golongan yang sama, iaitu dialek Perak asli.

Sebagai kesimpulannya, jelaslah bahawa terdapat percanggahan pendapat tentang klasifikasi dialek Perak antara pengkaji-pengkaji. Walau bagaimanapun terdapat satu persetujuan dengan meletakkan ukuran di kalangan masyarakat penuturnya, iaitu bentuk yang paling kuat mewakili dialek Perak ialah dialek yang dituturkan oleh masyarakat Melayu yang tinggal di sepanjang Sungai Perak. Daripada klasifikasi yang diberikan

dapat diperlihatkan bahawa klasifikasi yang dibuat oleh Harun Mat Piah (1983) lebih menyeluruh sifatnya dan terperinci.

### 1.7.2.1 Kawasan Sub-Subdialek Perak

#### 1.7.2.1.1 Perak Utara (Taiping, Bagan Serai dan Parit Buntar)

Asmah Hj. Omar (1977) membahagikan bahasa Melayu di Perak kepada tiga dialek yang utama, iaitu dialek Kedah di utara, dialek Johor dan dialek Kelantan di timur. Kawasan dialek Kedah terletak di antara kawasan Parit Buntar di utara Perak hingga ke kawasan Bukit Gantang di selatannya. Kawasan timur ialah kawasan Selama dan di barat pula ialah kawasan pinggir pantai negeri Perak dan di barat daya ialah kawasan Pantai Remis.

Kawasan Padang Rengas merupakan isoglos dialek Kedah dengan Kuala Kangsar, dan juga kawasan peralihan kedua-dua dialek tersebut.

Begitu juga kawasan Parit Buntar terdapat isoglos dan kawasan peralihan antara dialek Pulau Pinang dan dialek Kedah.

Walau bagaimanapun dalam kawasan dialek Perak Utara terdapat sub-subdialek seperti dialek pendatang atau imigran, jaitu dialek Rawa di kawasan Selama dan dialek Banjar di kawasan Bagan Serai. Subdialek yang lain ialah seperti dialek Patani yang terdapat di kawasan Ijok, Selama.

Kawasan tanah tinggi memisahkan dialek Perak Utara dengan dialek-dialek lain di negeri Perak. Ciri-ciri utama yang dapat membezakan dialek Perak adalah seperti yang berikut:

1. Fonem / a / di hujung kata tersebut / a / dan tidak disebut / e / seperti dialek-dialek lain di negeri Perak.
2. Fonem / r / di hujung kata disebut / ? / seperti kata air disebut [aja?], telur disebut [təlu?], besar disebut [bəsa?] dan sebagainya.

3. Kata panggilan mereka atau dia disebut [depa] atau [han].

Kelainan-kelainan ini jelas membezakan dialek Perak Utara dengan dialek-dialek lain di negeri Perak. Bahasa Melayu Baku di kawasan ini mendapat pengaruhnya terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

#### 1.7.2.1.2 Kuala Kangsar

Mengikut pembahagian yang dibuat oleh Harun Mat Piah (1983), dialek Kuala Kangsar terdiri dari kawasan Padang Rengas, Sayong dan Lenggong. Walau bagaimanapun sebahagian dari Kuala Kangsar, iaitu yang bersempadan dengan Taiping (yang termasuk dalam daerah Kerian) merupakan kawasan peralihan antara dialek Kedah dan dialek Perak. Sekiranya bahasa yang dituturkan di Parit dibandingkan dengan bahasa yang diucapkan di Kuala Kangsar terdapat banyak persamaan. Keduaduaanya memperlihatkan ciri-ciri dialek Perak. Oleh itu, antara keduanya

terdapat beberapa perbezaan. Perbezaan itu menunjukkan bahawa kedua-duanya itu merupakan subdialek daripada dialek yang sama.

Di daerah Kuala Kangsar terdapat berbagai-bagai kawasan peralihan antara dialek Perak dengan dialek-dialek lain. Ini dapat diperhatikan seperti di bawah :

1. Di sebelah barat lautnya (daerah Krian) merupakan subdialek Kedah
2. Di sebelah utara (daerah Lenggong) merupakan subdialek Patani.
3. Di sebelah selatan (daerah Ipoh) merupakan subdialek Selangor.
4. Di bahagian timur, iaitu negeri Kelantan.

Apa yang jelas ialah kawasan penyebaran dialek Kuala Kangsar tidak seluas kawasan penyebaran dialek Parit. Manakala kawasan Kuala Kangsar terletak di tengah-tengah kawasan lalu lintas di antara Malaysia selatan dengan Malaysia utara. Ini menyebabkan berlakunya perubahan-

perubahan dalam demografi daerah-daerah tersebut dan sistem pertuturannya.

Walau bagaimanapun subdialek Kuala Kangsar yang betul-betul merupakan dialek Perak asli terletak di bahagian baratnya, iaitu yang bersempadan dengan daerah Parit.

#### 1.7.2.1.3 Parit

Mengikut kajian Raja Mukhtaruddin (1986) dialek Perak terhimpun di daerah kawasan sekitar Sungai Perak, iaitu dari Bagan Datoh hingga ke Lenggong. Kawasan-kawasan yang jauh dari Sungai Perak tidak begitu terpengaruh oleh dialek Perak. Sebaliknya penduduk di kawasan ini lebih terpengaruh oleh sebutan baku bahasa Melayu. Perpindahan kelompok-kelompok masyarakat Sungai Perak yang berdialek Parit di kawasan utara, timur dan selatan Perak biasanya tidak berjaya menyebarkan dialek Parit tersebut. Keadaan ini berlaku kerana jumlah penghijrahan penduduk dari

Sungai Perak ini mewujudkan satu variasi baru pada dialek Perak kerana masyarakat tersebut tidak dapat menguasai dialek Parit setepat mungkin. Ini jelas terdapat pada penduduk-penduduk seperti di Chenderiang, Ipoh, Kinta Selatan dan beberapa tempat kecil lain.

Dialek Parit merupakan dialek Perak yang seratus peratus asli kerana masih tetap dengan keutuhannya walaupun tidak dapat berkembang di kawasan-kawasan lain di Negeri Perak. Ini terbukti kerana setiap individu di daerah Parit menggunakan dialek Parit dalam kehidupan seharian mereka. Malahan dialek Parit yang dituturkan di daerah Parit seperti di Layang-Layang Kiri, Lambor Kiri, Lambor Kanan, Bota Kiri, Bota Kanan, Telok Sareh, Pulau Tiga, Parit Kubu dan Kampong Gajah dianggap kolot dan dijadikan bahan olok-an atau ketawa oleh orang-orang di daerah lain.

Sebagai rumusan, dialek Parit adalah satu khazanah bangsa yang boleh membuktikan keperibumiannya satu-satu bangsa di satu-satu daerah itu. Ini jelas kerana sesuatu bahasa sebelum bertukar menjadi satu dialek di

satu-satu tempat atau daerah terlebih dahulu perlu mengalami satu jangka masa yang panjang dan bermastautin begitu lama dalam bahasa di daerah asalnya.

#### 1.7.2.1.4 Perak Selatan

Berdasarkan hasil kajian pengkaji-pengkaji yang telah membuat kajian tentang dialek Perak seperti Ismail Hussain (1973), Harun Mat Piah (1983), Asmah Hj. Omar (1985) dan Zaharani Ahmad (1988), maka terdapat persetujuan bahawa dialek Perak Selatan merangkumi kawasan Ipoh, Batang Padang, Tanjong Malim dan beberapa tempat yang terletak ke arah selatan. Kawasan-kawasan ini berdialek baku, iaitu berdialek Selangor.

#### 1.7.2.1.5 Hulu Perak

Kawasan Hulu Perak yang merupakan subdialek Negeri Perak terdiri daripada kawasan Gerik dan Lenggong. Kawasan Sauk merupakan kawasan peralihan antara dialek Patani dengan dialek Kuala Kangsar. Di kawasan ini, penduduknya bertutur dalam dialek Patani. Dialek Patani yang dituturkan oleh penduduk-penduduk di kawasan ini mempunyai perbezaan dengan kawasan-kawasan subdialek Perak yang lain. Justeru itu kawasan Hulu Perak merupakan daerah penyebaran bagi dialek Patani.

#### 1.7.2.1.6 Hilir Perak

Kawasan Hilir Perak atau Jajahan Hilir Perak merupakan bahagian hilir Sungai Perak. Penduduknya terdiri daripada 90% berbangsa Melayu. Kawasan ini terdiri daripada daerah Teluk Intan. Secara umumnya penutur-penutur di daerah ini menggunakan dialek Perak asli atau subdialek Parit. Walau bagaimanapun terdapat sedikit perbezaan yang dikesan berdasarkan keadaan persekitaran, lokasi tempat, pengaruh bahasa

lain dan faktor individu. Dalam komunikasi sehari-hari penduduk daerah Teluk Intan sebahagian besarnya menuturkan dialek Perak, malah dialek ini digunakan juga di tempat-tempat kerja terutamanya apabila bercakap dengan rakan-rakan yang rapat.

Dialek Perak yang asal masih tepat jika dikatakan terhimpun di daerah kawasan sekitar Sungai Perak iaitu dari Bagan Datoh hingga ke Lenggong. Namun dialek Perak yang ternyata banyak meninggalkan kesan pengaruhnya dalam penggunaan bahasa Melayu baku ialah daripada kawasan Parit, Kuala Kangsar, Perak Selatan dan Perak Utara. Pengaruh dialek dari kawasan-kawasan tersebut telah menghalang sama ada secara langsung atau tidak langsung, penggunaan bahasa Melayu baku sepenuhnya dalam situasi-situasi formal atau dalam bilik darjah, semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Jadual 1Perbezaan Antara Pengaruh Sub-subdialek Perak

BM Baku	Parit	Kuala Kangsar	Taiping	Ipoh
‘saya’	[sa] <sup>ɛ</sup>	[sa] <sup>ɔ</sup>	[sa] <sup>ja</sup>	[sa] <sup>ja</sup>
‘air’	[ajɔ]	[ajɔ]	[aja?]	[air]

Walau bagaimanapun bagi dialek kawasan Taiping fonem / a /, iaitu sama dengan sebutan bahasa Melayu baku. Manakala dialek kawasan Kuala Kangsar disebut sebagai / ɔ /, dan bunyi / ɛ / dalam dialek Parit. Fonem / a / pula disebut / ə / yang menyerupai dialek Selangor.

Subdialek Parit merupakan asas dialek Perak. Kawasan penyebarannya meliputi bandar-bandar utama di daerah ini iaitu Teluk Intan di selatan, Parit di utara, Setiawan dan Lumut di barat. Untuk kajian yang lebih terperinci, pengaruh dialek Parit dari segi fonologi akan

dibahagikan mengikut fonem vokal, sebutan konsonan, dan sebutan diftong.